

Anak-anak Pernim ikuti program bimbingan kelas komputer

GOLONGAN kanak-kanak umpama rebung yang mudah dilentur dan sentiasa bersikap terbuka untuk menyerap pelbagai pengetahuan, termasuk dalam penggunaan peralatan moden seperti komputer dan gajet.

Menyedari hakikat tersebut, baru-baru ini Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Bimbingan Celik Teknologi dan Maklumat (IT) bersama anak-anak dari Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pesakit HIV dan AIDS Nurul Iman (Pernim).

Program tersebut merupakan kerjasama antara pelajar UPM khususnya dalam subjek Pengenalan Kepada Multimedia SKM2300, bersama Pernim yang bertujuan memberi bimbingan dalam kemahiran IT, terutama berkaitan penghasilan kandungan multimedia yang kreatif.

Program telah dirasmikan oleh Pensyarah Kanan, Jabatan Multimedia, **Dr. Hizmawati Madzin**. Hadir sama, pengasas Pernim, Norlina Alawi.

Menurut Dr. Hizmawati, tujuan program tersebut adalah untuk menyediakan hubungan bimbingan antara warga UPM dengan anak-anak Pernim.

"Objektif program ini adalah untuk melahirkan anak-anak yang mahir membuat kandungan rangkaian multimedia menggunakan perisian sumber terbuka yang boleh dimuat turun secara percuma.

"Melalui kemahiran tersebut, kanak-kanak ini berupaya menghasilkan kandungan multimedia yang kreatif, serta membuat produk digital seperti e-book, poster dan sebagainya.

"Kemahiran ini mampu menjana pendapatan dengan menggunakan produk digital tersebut," katanya.



ANAK-ANAK Pernim tekun mengikuti kelas komputer dikendalikan oleh pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia.

fasilitator yang mengajar mereka.

"Selain itu, mereka semakin mahir menggunakan komputer terutama dalam penggunaan perisian untuk menghasilkan kandungan multimedia yang kreatif.

"Kami sangat gembira dengan perubahan positif terutama apabila melihat kanak-kanak kecil yang bersemangat untuk hadir ke fakulti mempelajari komputer dengan minat dan kesungguhan," katanya

Dr. Hizmawati, berkata, terdapat beberapa tugas yang diberikan dan mendapat maklum balas menggalakkan apabila peserta berkebolehan dalam menghasilkan produk yang kreatif dan berpotensi untuk dikomersialkan.

Beliau percaya, program ini berjaya menunjukkan golongan kanak-kanak lebih mudah dilentur dan dilatih minat terhadap komputer melalui kaedah yang betul.

Usaha UPM ini sangat dialu-alukan dan berharap lebih ramai pihak di luar sana mengambil bahagian dalam kerja-kerja amal seumpama ini.

Beliau menambah, program telah berlangsung selama empat minggu. Pelajar yang hadir ke kelas diajar mengenai perisian multimedia yang boleh dimuat turun secara percuma dari Internet.

Selepas pendedahan tersebut, mereka boleh memuat turun perisian yang sama di rumah dan berkebolehan membuat sendiri kandungan multimedia yang dipelajari, serta berkongsi pengetahuan tersebut dengan rakan-rakan atau adik beradik yang lain.

"Seramai 13 orang anak-anak anugerah Pernim menyertai program ini berumur dari usia sembilan sehingga 19 tahun.

"Sepanjang program berlangsung saya dapat melihat perubahan dalam kalangan anak-anak ini, apabila mereka lebih berani berinteraksi dengan pelajar-pelajar UPM selaku